

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian kerajaan dengan larangan merokok di restoran dan tempat awam seterusnya menyatakan sejauh mana tahap penguatkuasaan terhadap larangan tersebut. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk meringankan dengan meminda undang-undang berkait larangan merokok. Berapa kes telah diambil tindakan oleh penguatkuasa kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendirian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah untuk meneruskan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan (restoran) dan tempat awam di bawah Peraturan 11 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018. Pewartaan ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* bertujuan melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok dan produk merokok yang lain.

2. Berkaitan pertimbangan kerajaan untuk meringankan hukuman bagi kesalahan merokok di kawasan larangan, KKM ingin

memaklumkan bahawa kesalahan merokok adalah merupakan kesalahan yang boleh dikompaun. Mengikut garis panduan KKM, bagi kesalahan pertama, RM250 dikenakan dan bayaran RM150 ditawarkan bagi penyelesaian dalam tempoh sebulan dan perkara ini masih diteruskan sehingga kini. Selain itu, pihak KKM juga mengambil langkah menyantuni golongan perokok dengan membantu mereka untuk berhenti merokok. Perkhidmatan berhenti merokok telah dipertingkatkan dan disesuaikan dengan situasi semasa terutama dalam situasi pandemik COVID-19 di mana laman sesawang jomquit.moh.gov.my telah dikemaskini bagi menyampaikan maklumat tentang kepentingan berhenti merokok dan seterusnya mendapatkan khidmat berhenti merokok. Sepanjang tempoh ini 31 Julai 2020, seramai 59,924 orang melayari informasi melalui laman sesawang tersebut dengan 2,026 orang berdaftar untuk mendapatkan maklumat lanjut dan 842 orang bersetuju untuk menyertai rawatan berhenti merokok.

3. Setelah setahun penguatkuasaan pendidikan diberikan, bermula pada 1 Januari 2020 – 31 Julai 2020, penguatkuasaan penuh ditumpukan di tempat makan telah dijalankan di seluruh negara dan dalam tempoh tersebut, sebanyak 130,824 premis tempat makan telah diperiksa dengan 13,571 notis kesalahan telah dikeluarkan bernilai RM3.2 juta. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan bermula 18 Mac 2020 akibat pandemik COVID-19, aktiviti penguatkuasaan tidak dilaksanakan berikutan semua tempat makan tidak beroperasi. Namun begitu, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020 dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang mana tempat-tempat makan telah kembali beroperasi dan dalam tempoh ini, sebanyak 16,769 premis tempat makan telah diperiksa dengan 1,997 notis dikeluarkan bernilai RM 482,450.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah memperbaiki pengukuran kemiskinan multidimensi RMK-11 agar pangkalan data bagi taburan kemiskinan di Malaysia lebih jitu sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Profesor Fatimah Kari daripada Universiti Malaya bahawa kadar kemiskinan sebenar tidak hanya dapat ditentukan melalui jumlah pendapatan semata-mata.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat ambil maklum, bagi pengukuran kemiskinan yang lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) telah diperkenal dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11). MPI mengukur dan memantau kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi merangkumi kesihatan, pendidikan, taraf hidup (*living standard*) dan pendapatan.

2. Sumber data utama yang digunakan untuk mengukur kemiskinan ialah Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA). HIES&BA adalah berdasarkan *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition* (2011) yang diterbitkan oleh United Nations dan diterima pakai di peringkat antarabangsa. HIES & BA 2019 melibatkan persampelan lebih kurang 82 ribu isi rumah dari 7.3. juta isi rumah di Malaysia dan telah diterbitkan oleh DOSM pada 10 Julai 2020 yang lalu. MPI 2019 akan diterbitkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang dijadualkan pada Januari 2021.
3. Sehubungan ini, Kerajaan akan meneruskan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan pelaksanaan MPI dalam perancangan dan penggubalan dasar, strategi serta inisiatif ke arah pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan berkesan bermula pada RMKe-12 sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sekian, terima kasih.